

Publication : **Sinar Harian**
Date : 20 March 2017
Section : Semasa
Page : 29
Headline : Hua Yang penuh segmen mampu milik
PR Value : 9,043.03

Hua Yang penuh segmen mampu milik



Antara projek Hua Yang, One South.

HUA YANG Bhd menerima Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) bagi tiga projek kediaman di Lembah Klang dan Bandar Universiti Seri Iskandar.

Projek itu ialah Sentrio Suite dan Residensi Flora di One South, Seri Kembangan, Selangor serta Lavender 2 di BUSI, Perak, yang merupakan projek bandar utama Hua Yang dengan nilai pembangunan kasar keseluruhan RM408 juta.

Ketua Pegawai

Eksekutifnya, Ho Wen Yan berkata, unit di ketiga-tiga projek itu dijual sepenuhnya dalam tempoh singkat, sekali gus menunjukkan permintaan yang tinggi dalam segmen kediaman mampu milik.

"Lembah Klang dan Perak kekal sebagai wilayah penting syarikat dan terus menyumbang secara positif kepada



WEN YAN

perolehan Hua Yang," katanya dalam kenyataan, baru-baru ini.

Bagi suku ketiga tahun kewangan 2017, projek Hua Yang di Lembah Klang adalah penyumbang terbesar kepada perolehan syarikat iaitu 45 peratus manakala pembangunan di Perak pula menyumbang 21 peratus.

"Kami kekal

komited kepada misi utama kami untuk menyediakan perumahan mampu milik kepada orang ramai.

"Bagi kitaran semasa, tumpuan kami adalah menawarkan produk berkualiti yang dibangunkan oleh kami untuk persekitaran kehidupan yang berkualiti," katanya. - *Bernama*